

# Hak istimewa Melayu kekal: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH

1 8 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berganjak “walau satu langkah pun” dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, hak keistimewaan itu akan dikekalkan kerana kerajaan sedar orang Melayu masih lemah.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 500 orang yang mewakili 13 persatuan dan kumpulan yang menyerahkan kepada beliau satu memorandum supaya hak keistimewaan orang Melayu dijaga.

Memorandum itu diserahkan oleh Presiden Angkatan Pemuda Warisan Malaysia (Pewaris), Anas Mustaffa, di Dataran Putra berdekatan Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, pagi ini.

Pendirian itu turut diulangi pada pelancaran sambutan Bulan Kemerdekaan dan kempen Jalur Gemilang di Dataran Merdeka petang ini, yang disertai lebih 5,000 penduduk pelbagai kaum.

Pada pelancaran itu, Dr Mahathir

mengimbau peristiwa 13 Mei 1969 yang dianggap menjadi satu pengajaran kepada rakyat.

Daripada peristiwa itu juga, katanya, kerajaan membentuk dasar yang memberi pertimbangan kepada segala rintihan kaum yang ketinggalan.

“Kita memberikan kek ekonomi dan kita agihkan kepada semua pihak dengan memastikan mereka yang tertinggal mendapat bahagian yang lebih besar,” katanya.

Sejak peristiwa itu, katanya, semua kaum menerima hakikat mengenai pentingnya kekayaan diagihkan sama rata dan bersejua kaum yang tertinggal dibangunkan manakala pada masa yang sama kerajaan tidak melucutkan

harta kekayaan kaum yang maju. Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata mungkin ramai yang sudah lupa sejarah termasuk bagaimana negara dijajah selama 450 tahun.

“Kita jadi satu bangsa yang terhina dan dikuasai oleh orang asing yang berpendapat bahawa kita tidak

cc

**Akhir-akhir ini ternampak perpecahan di kalangan kita dan juga ramai yang tahu bahawa kita berpecah, maka kita akan lemah. Apabila kita lemah ada tuntutan supaya hak kita dilucutkan.**

”

– Dr Mahathir

LIHAT MUKA 2

# Bersatu jika mahu pertahankan hak: PM

DARI MUKA 1

18 AU6 2000

dapat memerintah negara kita sendiri," katanya.

Namun, katanya, dengan sikap rakyat Malaysia yang sanggup berkongsi sumber kekayaan negara, negara dapat mengelakkan ketegangan kaum serta membangun dan memakmurkan negara dalam keadaan aman.

Beliau mengimbau peristiwa itu ekoran tindakan pihak tertentu yang kebelakangan ini membangkitkan semula soal hak keistimewaan orang Melayu.

Ini termasuk tindakan beberapa persatuan Cina yang mengemukakan semula 17 tuntutan pilihan raya tahun lalu yang antara lain mendesak dimansuhkan perbezaan status Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Tuntutan yang dikenali sebagai Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu), diperbaharui semula sempena genap setahun pelancaran tuntutan itu semalam.

Tindakan persatuan berkenaan mencetuskan kema-

rahan pelbagai pertubuhan Melayu hingga mendorong 13 persatuan dan kumpulan termasuk Pewaris menyerahkan memorandum meminta Dr Mahathir memelihara hak keistimewaan orang Melayu.

Di Putrajaya, Dr Mahathir dipetik Bernama sebagai berkata bahawa beliau akan meneliti memorandum itu dan berjanji mengamalkan sewajarnya.

Antara persatuan yang hadir pada majlis penyerahan memorandum itu ialah Majlis Profesional Melayu (MPM), Majlis Belia Malaysia (MBM), Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara Malaysia (Ansara), Belia 4B dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia.

Perdana Menteri berkata, semua kaum di Malaysia mempunyai hak untuk menyatakan pendapat, tetapi hendaklah dilakukan dalam majlis tertutup bagi mengelak daripada menyinggung perasaan kaum lain.

Dr Mahathir yang sesekali sebak, berkata beliau menyedari bahawa tuntu-

tan supaya hak keistimewaan orang Melayu itu dilucutkan timbul setelah mereka berpecah dan menjadi lemah pada akhir-akhir ini.

"Seperti yang kita tahu pada masa akhir-akhir ini ternampak perpecahan di kalangan kita, dan juga ramai yang tahu bahawa kita berpecah, maka kita akan lemah. Apabila kita lemah, ada tuntutan supaya hak kita itu dilucutkan," katanya.

Oleh itu, katanya, amat penting supaya kerajaan yang diterajui orang Melayu kini, terus kuat dan tidak berpecah-belah supaya ia terus dapat mempertahankan hak orang Melayu.

Beliau juga berkata, kaum lain di negara ini amat beruntung kerana mempunyai pelbagai hak seperti boleh bertutur di dalam bahasa ibunda mereka dan mewujudkan sekolah sendiri.

Hak seperti itu, kata Dr Mahathir, kadang-kala tidak dinikmati oleh mereka walaupun tinggal di negara maju.

"Kita (Orang Melayu) tidak pernah mempertikai hak orang lain, oleh itu jangan ada mereka yang cuba-cuba untuk mempertikaikan hak kita," katanya, disambut oleh teriakan mereka yang hadir di Dataran Putra.

Dr Mahathir berkata, semua kaum perlu berjaga-jaga dalam mengeluarkan kenyataan kerana mereka mungkin beranggapan bahawa kenyataan itu tidak mendatangkan kesan terhadap mereka tetapi ia mempunyai implikasi kepada kaum yang lain.

"Kita tidak mahu ia membangkitkan perasaan marah terhadap mana-mana kaum," katanya.

Beliau berkata, ramai orang Melayu yang sudah berjaya pada hari ini, telah menafikan pertolongan yang diberikan oleh kerajaan di dalam membina kejayaan mereka.

Tetapi kenyataannya, kata beliau, telah menunjukkan usahawan-usahawan itu akan "jatuh tersungkur" jika mereka tidak menerima bantuan daripada kerajaan terutamanya ke-

tika kegawatan ekonomi yang melanda negara baru-baru ini.

Katanya, kerajaan telah menerima kecaman dari negara luar kononnya ia mengamalkan kronisme dengan bertindak membantu usahawan Melayu itu untuk berjaya di dalam bidang perniagaan.

Orang Melayu sebelum merdeka, kata Dr Mahathir, berada di kedudukan yang amat lemah dengan kebanyakannya tidak berpelajaran, tidak mempunyai sumber kewangan, senjata dan berpecah-pecah mengikut negeri mereka.

"Apabila terdapat ancaman kepada orang Melayu, mereka telah rapatkan barisan dan menentang bangsa besar itu (British) dan berjaya mengalahkan mereka yang mahu melucutkan hak kita di negeri kita sendiri," katanya.

Bertitik-tolak dari kejayaan itu, orang Melayu telah merapatkan barisan mereka sehingga berjaya melantik pemimpin sendiri untuk berjuang mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu, katanya.